


# Pembinaan Imej Positif Menerusi Kartun Dalam Buku Animasi




Maizatul Azura Yahya  
Ainal Akmar Hj Ahmad  
UUM



## PENGENALAN

- Buku animasi atau komik sering kali disalah anggap sebagai bahan bacaan yang kurang berfaedah dan sia-sia.
- Terdapat sebahagian daripada masyarakat yang menganggap ia perosak minda dan peribadi pembaca kerana kononnya penuh dengan elemen negatif seperti keganasan, seks dan sebagainya.
- Walau bagaimanapun, pendapat ini sebenarnya tidak benar kerana gambar yang terdapat dalam komik dan buku animasi boleh digunakan sebagai media maklumat pendidikan, propaganda ekspresi, media kritis dan juga hiburan.
- Pada masa kini, komik atau buku animasi juga boleh dibangunkan sebagai produk kesenian yang boleh dijual dan diperkenalkan kepada masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan kedudukan.



## SOROTAN KAJIAN

- Gambar-gambar kartun yang lucu dan menarik misalnya dapat membantu pelajar mengingati setiap peristiwa yang dipamerkan (Frey & Fisher, 2008).
- Menurut Abdul Rashid dan Norhayati (2005), gambar-gambar kartun boleh merangsang minat pelajar kerana biasanya ia mengisahkan hal hal seharian yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupan.
- Topik pengajaran yang berat dan susah dapat di permudahkan oleh bantuan gambar. Hal ini telah dibuktikan oleh Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam (2009) dalam keberkesanan modul kartun yang digunakan mereka dalam P&P Biologi Tingkatan 4. Didapati minat pelajar terhadap matapelajaran Biologi meningkat.
- Penggunaan gambar berbentuk animasi dalam proses penyampaian maklumat memberi kesan penyampaian yang lebih mudah dan efektif serta mampu menarik perhatian para penonton untuk terus fokus kepada isi kandungan yang ingin disampaikan (Jamalludin & Zaidatun, 2005).



- Selain memupuk minat kanak-kanak membaca, buku berunsur animasi juga mampu membina minda kritis dan kreatif kepada golongan sasaran.
- Golongan kanak-kanak sangat sukakan sesuatu yang cantik dan ringkas, seperti lukisan bergambar, berwarna-warni dan tidak terlalu padat dengan tulisan. Penerbitan buku dan bahan bacaan seperti komik atau buku animasi ini mampu merangsang tumbesaran minda kanak-kanak.
- Secara tidak langsung, melalui kaedah ini dapat memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, mesej yang disampaikan dengan cara animasi kreatif ini mampu menjana pemikiran kanak-kanak agar lebih kritis dan kreatif.



## IMEJ POSITIF DALAM KARTUN

- Membina imej diri yang positif pada peringkat umur kanak-kanak penting bagi membolehkan mereka hidup dalam suasana yang selesa dan berupaya membina kebahagiaan dalam hidup .
- Oleh kerana kartun sinonim dengan kanak-kanak, maka pembinaan imej positif menerusi watak dalam kartun yang dilukis akan dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara positif.
- Imej positif boleh dipaparkan dalam kartun menerusi dua aspek utama berikut:
  - Watak kartun
  - Nilai moral dalam cerita kartun



## BAHAN YANG DIKAJI

- Kajian yang dijalankan ini meliputi buku-buku animasi berikut:
  - UPIN DAN IPIN
  - BOBOIBOY
  - ANA SOLEHAH



## UPIN DAN IPIN

- Upin dan Ipin pada asalnya adalah satu siri animasi tayang singkat yang diterbitkan oleh syarikat animasi Les' Copaque yang kemudiannya diterbitkan dalam bentuk komik.
- Buku animasi Upin dan Ipin banyak memaparkan imej positif yang dapat membantu membentuk akhlak kanak-kanak.



6/4/2015

2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015

7

## IMEJ POSITIF DALAM UPIN DAN IPIN

- Antara imej positif yang terdapat dalam buku animasi ini ialah:
  - Mendirikan solat
  - Persahabatan
  - Kekeluargaan
  - Kasih sayang terhadap alam, haiwan dan juga sesama manusia.
  - Berpuasa.
  - Menghormati orang tua
  - Hidup bermasyarakat majmuk



6/4/2015

2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015

8

## BOBOIBOY

- Boboiboy merupakan siri animasi superhero terbitan syarikat Animonsta Studios Sdn. Bhd yang kemudiannya turut diterbitkan dalam bentuk komik.
- Buku animasi *Boboiboy* mengandungi banyak pengajaran yang dapat membentuk imej positif kepada kanak-kanak dan remaja.
- Memaparkan watak kanak-kanak sekolah dengan kebolehan luar biasa, buku animasi ini mempunyai kelebihan tersendiri.



6/4/2015

2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015



9

## IMEJ POSITIF DALAM *BOBOIBOY*

- Antara imej positif yang terdapat dalam buku animasi ini ialah:
  - Semangat setiakawan.
  - Kerjasama berpasukan.
  - Pemupukan budaya majmuk.
  - Watak gadis bertudung .
  - Yakin dengan kemampuan diri.
  - Kasih sayang.
  - Menghormati orang yang lebih tua.
  - Bersangka baik.



6/4/2015


2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015



10

## ANA SOLEHAH

- Buku animasi Ana Solehah menyajikan bahan-bahan bacaan seperti cerita-serita pendek yang dipetik daripada Al-Quran.
- Membaca Ana Solehah membantu kanak-kanak membentuk peribadi mulia menerusi gambaran perempuan bertudung dan peringatan tentang mendirikan solat.



6/4/2015


2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015



11

## IMEJ POSITIF DALAM ANA SOLEHAH

- Paparan imej positif lain selain imej kanak-kanak perempuan bertudung ialah:
  - Bersangka baik.
  - Menghormati orang yang lebih tua.
  - Berdikari.
  - Kuat semangat.
  - Kasih sayang



6/4/2015

2ND ASEAN OCEANIA REGIONAL IBBY CONGRESS 2015



12

## RUMUSAN

- Komik atau buku animasi mampu memberi pengajaran kepada pembaca khususnya kanak-kanak dengan paparan imej kartun yang memberikan impak positif.
- Imej positif yang dipaparkan menerusi watak kartun yang dicipta dan direka mampu memberi kesan kepada pembaca khususnya kanak-kanak untuk mempraktikkan tingkah laku tersebut dalam kehidupan mereka.
- Penggunaan unsur metafora dalam paparan imej kartun mampu memberikan gambaran yang positif terhadap perkembangan pemikiran dan pembentukan peribadi kanak-kanak.



## SEKIAN TERIMA KASIH

